

Maklumat Tempahan Pakej Umrah TRIWAYS

❖ TEMPAHAN

Tempahan hendaklah dibuat secepat mungkin (minima 1 bulan) dengan memenuhi borang pendaftaran yang disediakan dengan bayaran deposit RM1,000.00. Pengesahan adalah setelah pembayaran minima 50% daripada harga pakej. Syarikat berhak untuk menukar/ menunda tarikh pakej bagi jemaah yang hanya membayar deposit kepada suatu tarikh yang sesuai mengikut perundingan bersama. Selagi bayaran 50% belum diterima, syarikat berhak dan boleh menjual tempat yang kosong itu kepada jemaah/pihak lain.

❖ BAYARAN TAMBAHAN BILIK HOTEL :-

Bayaran tambahan bilik atas permintaan bilik single ataupun bilik double/triple yang telah ditempah tetapi diduduki seorang sahaja. Pemberitahuan akan dibuat untuk perundingan.

❖ PAKEJ TERMASUK:-

- Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi atau kelas lain atas permintaan (dengan harga tambahan yang ditetapkan)
- Pengangkutan dari lapangan terbang ke/dari hotel & Ziarah
- Hotel penginapan seperti yang tercatat didalam sebutharga.
- Hidangan makan 3 kali sehari (sarapan, tengahari & malam)
- 24 jam layan-diri minuman biasa/sejuk & panas
- Ziarah destinasi berkenaan sekitar Makkah & Madinah.
- Khidmat mutawif, nasihat/bimbingan agama & panduan
- Hadiah: Beg galas, beg pakaian biasa, buku panduan.

Tiket penerbangan "BUSINESS CLASS" atau "FIRST CLASS", boleh diuruskan dengan bayaran tambahan (perbezaan tambang ekonomi)

❖ PAKEJ TIDAK TERMASUK:-

1. Kegunaan peribadi seperti dobi, bayaran telegram/fax /telefon.
2. Makan-minum selain yang disediakan
3. Perjalanan/ziarah selain yang ditetapkan
4. Bayaran bagi berat barang-barang yang berlebihan dari yang dihadkan oleh syarikat penerbangan (20 kg)
5. Cukai Lapangan Terbang (Airport tax & Fuel Surcharge)

❖ BAYARAN BALIK:-

Jika sekiranya terdapat sebarang perkhidmatan, pelancongan, makan dan minum atau perjalanan yang disediakan tidak digunakan, maka tuntutan bayaran tidak akan dilayan.

❖ KEGAGALAN LAPOR DIRI:-

Kos pakej tidak akan dikembalikan sekiranya terdapat jemaah yang tidak hadir pada tarikh dan hari bertolak.

❖ PEMBATALAN:-

1. Bayaran pembatalan deposit adalah tertakluk kepada syarikat mengikut kadar harga pembatalan yang telah dikenakan oleh pihak hotel, syarikat penerbangan dan muassasah (visa umrah).
2. Bayaran minima pembatalan adalah sebanyak RM 500.00

❖ CUACA DAN PAKAIAN

Iklim di Arab Saudi biasanya panas. Dengan itu, para jemaah dinasihatkan memakai pakaian biasa. Tetapi mulai bulan November, iklim cuaca di Madinah agak sejuk sedikit. Oleh itu jemaah dinasihatkan membawa pakaian tebal.

❖ BAGI PAKEJ UMRAH TRANSIT SEBELUM SAMPAI JEDDAH

Pastikan anda membawa pakaian tambahan dalam hand luggage untuk bermalam di Airport / Airport Hotel kerana bagasi tidak dikembalikan semasa transit.

❖ NOTA :

1. Bagi jemaah wanita yang hendak mengerjakan umrah, mereka hendaklah mempunyai muhrim bagi mendapatkan visa untuk memasuki Arab Saudi
2. Penyertaan anda adalah tertakluk kepada kelulusan visa dari kedutaan Arab Saudi dan pengesahan tempahan tiket.


❖ PENGECUALIAN TANGGUNGJAWAB:

Pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tragedi buruk seperti sakit, bencana alam, rusuhan atau peperangan kerana kejadian tersebut adalah diluar kuasa pihak syarikat. Begitu juga sekiranya terdapat sebarang kelewatan, penangguhan, kehilangan, kerosakan, kecederaan yang berlaku disebabkan oleh syarikat penerbangan atau syarikat yang menyediakan kenderaan.

❖ DOKUMEN UNTUK PERMOHONAN VISA: (3 minggu sebelum tarikh penerbangan)

1. Passport Antarabangsa yang masih laku sekurang-kurangnya 6 bulan dari tarikh bertolak dan mempunyai sekurang-kurangnya 4 mukasurat kosong.
2. 4 keping gambar warna berukuran passport **5cm x 4cm** berlatarbelakang putih (tidak bersongkok bagi lelaki). Wajah kelihatan 70-80% dari keseluruhan ukuran kertas gambar.
3. Salinan sijil nikah bagi suami isteri
4. Salinan Kad Pengenalan Waris / Sijil nikah @ Sijil lahir
5. Salinan sijil lahir untuk anak anak yang ikut bersama.
6. Sijil-sijil kesihatan antarabangsa dengan suntikan **MENINGOCOAL yang halal - MENCEVAX ACYW 135** yang dikeluarkan oleh hospital @ klinik Kerajaan sahaja.
7. Borang pendaftaran diisi dengan butir-butir yang diperlukan dan ditandatangani.

CONTOH GAMBAR



CONTOH GAMBAR UNTUK PERMOHONAN VISA ARAB SAUDI

❖ Nota:

Dokumen yang lengkap hendaklah dihantar selewat-lewatnya 3-4 minggu sebelum tarikh berlepas. Dokumen yang diterima lewat dari tempoh tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan visa daripada pihak Kedutaan Arab Saudi.